

## **Manfaat Ekopelancongan Terhadap Ekonomi Sektor Formal dan Informal: Kajian Kes di Pulau Chekas, Raub, Pahang**

**Mohammad Roszaimin Rosli<sup>1</sup> & Indera Syahrul Mat Radzuan<sup>1,2\*</sup>**

<sup>1</sup>Jabatan Pengurusan Harta Tanah, Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor, MALAYSIA

<sup>2</sup> Institut Harta Tanah Malaysia (MyREI), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor, MALAYSIA

\* Corresponding Author

DOI: <https://doi.org/10.30880/rmtb.2022.03.02.051>

Received 30 September 2022; Accepted 1 November 2022; Available online 1 December 2022

**Abstract:** Raub district in Pahang is a district that has many ecotourism attractions such as Chekas Island Recreation Center, Lata Jarum, Lata Lembik, Lata Berembun, Aina Fahad Land, Aina Farouk Land, Rock Mountain Resort and many more. However, formal and informal economic activities that has been carried out at the Chekas Island Recreation Center are still at a low level. Most of the locals do not make the most of the opportunities available. The objective of this study is divided into two, namely to identify the types of formal and informal sector businesses in Chekas Island Recreation Center and to examine the benefits obtained by the formal and informal sectors with the eco-tourism industry in Chekas Island Recreation Center. The scope of this study focuses on traders and entrepreneurs in the formal and informal economic sector at the Chekas Island Recreation Center which consists of residents around Mukim Ulu Dong, Raub, Pahang. The research methodology involved two data, namely primary data and secondary data. The research method used is a qualitative method that is through interviews. Methods of data analysis obtained from the interviews were transcribed. The results of the study has found that there are two main types of business conducted by the respondents, namely the operation of chalets for the formal sector and the sale of food and beverage stalls for the informal sector. In addition, the formal and informal sectors benefit a lot from the existence of this Chekas Island recreation center such as increasing income and providing employment opportunities. In conclusion, this study is expected to provide benefits to academic research as well as to relevant parties to obtain data in the future.

**Keywords:** Ecotourism, Business Formal sector, Incormal sector, Pulau Chekas, Raub

**Abstrak:** Daerah Raub di Pahang merupakan sebuah daerah yang mempunyai banyak tarikan ekopelancongan seperti Pusat Rekreasi Pulau Chekas, Lata Jarum, Lata Lembik, Lata Berembun, Tanah Aina Fahad, Tanah Aina Farouk, Rock Mountain Resort dan banyak lagi. Namun begitu, kegiatan ekonomi formal dan informal yang dijalankan di Pusat Rekreasi Pulau Chekas masih di tahap yang rendah. Kebanyakan daripada penduduk lokal tidak memanfaatkan peluang yang ada dengan semaksima mungkin. Objektif kajian ini terbahagi kepada dua iaitu untuk mengenalpasti jenis perniagaan sektor formal dan informal di Pusat Rekreasi Pulau Chekas dan untuk mengkaji manfaat yang diperoleh oleh sektor formal dan informal dengan adanya industri eko-pelancongan di Pusat Rekreasi Pulau Chekas. Skop kajian ini pula memfokuskan kepada peniaga dan pengusaha dalam sektor ekonomi formal dan informal yang dijalankan di Pusat Rekreasi Pulau Chekas yang terdiri daripada penduduk di sekitar Mukim Ulu Dong, Raub, Pahang. Metodolgi kajian adalah menggunakan dua data iaitu data primer dan data sekunder. Kaedah kajian yang digunakan adalah kaedah kualitatif iaitu melalui temu bual. Kaedah penganalisaan data yang diperoleh daripada temu bual akan ditranskip. Hasil dapatan kajian pengkaji mendapat terdapat dua jenis perniagaan utama yang dijalankan oleh responden iaitu pengusahaan chalet bagi sektor formal dan penjualan gerai minuman dan makanan bagi sektor informal. Selain itu, sektor formal dan informal mendapat banyak manfaat daripada adanya pusat rekreasi Pulau Chekas ini seperti meningkatkan pendapatan dan menyediakan peluang pekerjaan. Kesimpulannya, kajian ini diharapkan dapat memberikan manfaat terhadap penyelidikan akademik mahupun kepada pihak yang berkaitan untuk mendapatkan data di masa akan datang.

**Kata Kunci:** Ekopelancongan, Perniagaan, Sektor formal, Sektor informal, Pulau Chekas, Raub

## 1. Pengenalan

Pelancongan merujuk kepada pelbagai maksud berdasarkan perspektif dan pandangan seseorang yang terlibat dalam industri pelancongan. Menurut World Tourism Malaysia, pelancongan merupakan aktiviti pengembaraan seseorang individu ke suatu tempat, iaitu keluar daripada persekitaran asal yang menetap tidak lebih daripada satu tahun untuk tujuan rehat, perniagaan dan sebagainya. Tujuan pelancongan adalah untuk mengisi masa lapang atau rekreasi. Mengikut Kamus Dewan, pelancongan merupakan perihal melancong dan perkhidmatan yang berkaitannya. Selain itu, pelancongan juga merupakan aktiviti ekonomi yang mampu membawa pendapatan dan manfaat kepada komuniti. Pelancongan merupakan suatu bidang pelaburan yang berperanan dalam pembangunan negara. Dalam sistem pelancongan, aspek pasaran dan pembekalan memainkan peranan penting dalam menentukan perkembangan dan kemajuan industri pelancongan. Terdapat empat elemen utama yang diberi penekanan kepada pengertian pelancongan antaranya adalah pelancong, perniagaan, kerajaan dan tuan rumah.

### 1.1 Latar Belakang Kajian

Daerah Raub di Pahang merupakan sebuah daerah yang mempunyai banyak tarikan dalam sektor eko-pelancongan. Daerah Raub kaya dengan keindahan dan kepelbagaiannya alam semula jadi. Tidak hairanlah sehingga kini Daerah Raub merupakan salah satu lokasi tumpuan pengunjung yang menginginkan percutian yang menyenangkan minda. Terdapat beberapa pusat peranginan yang menawarkan keindahan alam semulajadi di daerah Raub, antaranya Pusat Rekreasi Pulau Chekas, Lata Jarum, Lata Lembik, Tanah Aina Fahad, Tanah Aina Farouk, Rock Mountain Resort dan banyak lagi.

Dengan adanya daya tarikan pengunjung ke Pusat Rekreasi Pulau Chekas, kegiatan ekonomi sektor formal dan informal telah dijalankan oleh penduduk setempat dalam meningkatkan ekonomi mereka. Penduduk lokal di sini bijak dalam merebut peluang yang terhidang. Bermula dengan sekecil- kecil

skala perniagaan hingga ke perniagaan berskala besar seperti pengusahaan chalet dan rumah inap desa.

### 1.2 Penyataan Masalah

Secara amnya, aktiviti eko-pelancongan ini memberikan pelbagai impak positif dalam konteks ekonomi kepada penduduk setempat sama ada dari kegiatan perniagaan barang maupun kemudahan perkhidmatan. Sektor formal dan informal merupakan sektor yang mendapat tempat serta berpeluang untuk dimajukan di kawasan di kawasan eko-pelancongan ini. Jika peluang tersebut diambil dan digunakan dengan sebaiknya, tidak mustahil sektor peniagaan ini boleh melangkah lebih jauh ke hadapan. Sektor perniagaan informal itu sendiri merujuk kepada sebarang perniagaan yang tidak dipantau atau dikenakan cukai oleh kerajaan, dan berskala kecil, manakala perniagaan formal pula merujuk kepada perniagaan yang dipantau oleh kerajaan, dikenakan cukai serta dengan skala yang lebih besar.

Menurut Nurul Bariah Mat Lazim (2013), kegiatan ekonomi formal dan informal yang dijalankan di Pusat Rekreasi Pulau Chekas masih di tahap yang rendah. Kebanyakan daripada penduduk lokal tidak memanfaatkan peluang yang ada dengan semaksima mungkin. Kurangnya pendedahan ilmu perniagaan dalam kalangan mereka merupakan antara faktor penyumbang kepada masalah ini. Bagi pengusaha tempat penginapan rumah inap desa dan chalet pula, tahap pengiklanan masih di tahap yang rendah menyebabkan kurangnya permintaan daripada pengunjung.

### 1.3 Persoalan Kajian

Berdasarkan pernyataan masalah kajian, penetapan matlamat kajian adalah penting bagi memastikan kajian yang dijalankan adalah tersusun dan relevan. Oleh yang demikian, untuk menetapkan matlamat kajian, persoalan kajian perlu dibina bagi memastikan apakah yang ingin dikaji. Antara persoalan kajian ialah:

- (i) Apakah jenis perniagaan sektor formal dan informal yang diusahakan di Pusat Rekreasi Pulau Chekas?
- (ii) Bagaimanakah sektor formal dan informal mendapat manfaat daripada ekopelancongan di Pusat Rekreasi Pulau Chekas?

### 1.4 Objektif Kajian

Beberapa objektif telah digariskan untuk mencapai matlamat kajian ini iaitu:

- (i) Untuk mengenalpasti jenis perniagaan sektor formal dan informal di Pusat Rekreasi Pulau Chekas.
- (ii) Untuk mengkaji manfaat yang diperoleh oleh sektor formal dan informal dengan adanya eko-pelancongan di Pusat Rekreasi Pulau Chekas.

### 1.5 Skop Kajian

Bagi memastikan kajian ini dapat dilaksanakan dengan lebih terperinci dan berkesan, pengupasan isu ini adalah terhad kepada skop kajian iaitu memfokuskan kepada peniaga dan pengusaha dalam sektor formal dan informal yang dijalankan di Pusat Rekreasi Pulau Chekas yang terdiri daripada penduduk di sekitar Mukim Ulu Dong, Raub, Pahang.

### 1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti jenis perniagaan sektor formal dan informal yang dijalankan di Pusat Rekreasi Pulau Chekas serta mengkaji manfaat eko-pelancongan tersebut terhadap peniaga berkenaan. Kajian ini penting bagi memastikan para peniaga menggunakan peluang yang ada dengan sebaik mungkin agar ekonomi isi rumah mereka dapat dinaiktaraf dari semasa ke semasa. Di samping itu, dengan adanya pertambahan pengunjung saban tahun diharapkan dapat memberikan

manfaat terhadap pertumbuhan kegiatan ekonomi dan sosial bagi peniagaan sektor formal dan informal ini. Oleh itu, kajian ini diharap dapat memberi manfaat kepada para peniaga yang terlibat.

## 2. Kajian Literatur

### 2.1 Konsep Ekopelancongan

Istilah ekopelancongan mula diperkatakan pada akhir tahun 1980-an hasil daripada pengiktirafan dan reaksi dunia terhadap amalan lestari dan amalan ekologi global. Dalam konteks ini, aktiviti percutian berasaskan alam semulajadi digabungkan dengan peningkatan kesedaran tentang alam sekitar oleh masyarakat telah menyumbang kepada permintaan percutian ekopelancongan. Permintaan percutian ekopelancongan juga didorong oleh perubahan minat pengguna yang dahulunya hanya pelancongan biasa, kini lebih terarah ke pengalaman yang lebih individualistik. Manusia telah mula mengambil berat tentang alam semula jadi dan menghargai alam semula jadi yang secara tidak langsung telah mendorong mereka untuk melancong (Hvenegaard, 1994; Dowling, 1996). Secara umumnya, ekopelancongan juga dikaitkan dengan bentuk pelancongan alternatif atau pelancongan minat khas, dan produk pelancongan yang dihasilkan daripada penerokaan alam semula jadi.

Mengikut definisi oleh pakar-pakar dan kumpulan pemuliharaan, ekopelancongan merujuk bukan hanya untuk menikmati landskap ekologi yang indah yang terletak dalam kawasan pelancongan, tetapi juga menekankan evolusi perilaku pemuliharaan alam sekitar dan corak pemikiran (Gupta & Chopra, 2014; Wurzinger & Johansson, 2016). Cara perkembangan ini daripada pemikiran ke tindakan telah dibangunkan sebagai usaha untuk melindungi kualiti sumber pelancongan melalui perlindungan ekologi. Matlamatnya adalah untuk memastikan bahawa aktiviti pelancongan berpanjangan dan dapat mengekalkan persekitaran ekologi, budaya sosial, ekonomi tempatan, dan pembangunan seimbang pelancongan yang mampan. Selain itu, proses ini memperdalam pemahaman kita tentang persekitaran semula jadi, masyarakat, sosial budaya dan tradisional di kawasan semula jadi.

Oleh itu, kajian yang dijalankan oleh sarjana ekologi dan pelancongan menunjukkan bahawa syarat-syarat yang memudahkan ekopelancongan adalah berdasarkan persekitaran alam semula jadi. Fungsi ekopelancongan adalah untuk melindungi alam sekitar dan membolehkan pembangunan tempatan yang mampan, yang dapat mencapai manfaat bersama bagi semua pihak yang berkepentingan (pengurus ekologi serantau, penduduk komuniti, pengendali pelancongan tempatan dan pelancong) (Tsaur, Lin & Lin, 2006).

### 2.2 Jenis-jenis Aktiviti Ekopelancongan

Menurut Er Ah Choy (2013), terdapat beberapa aktiviti ekopelancongan, antaranya:

#### (a) Pemerhatian terhadap Flora dan Fauna

Perlindungan dan pemuliharaan alam sekitar adalah salah satu perhatian generasi masa kini. Oleh itu, cara yang baik untuk menarik perhatian adalah dengan membuat rancangan untuk mengamati flora dan fauna. Dalam aktiviti ini, pelancong mengunjungi tempat-tempat di mana mereka mempunyai hubungan langsung dengan alam. Oleh itu, mereka boleh mengenali spesies-spesies haiwan dan tumbuh-tumbuhan yang terdapat di persekitaran semula jadi.

#### (b) Safari

Aktiviti ekopelancongan ini yang biasanya dikaitkan dengan Afrika dan berburu, dapat dilakukan di mana saja tanpa mempengaruhi ekosistem atau kehidupan haiwan. Ini adalah ekspedisi di mana pengunjung memerhatikan alam semula jadi dan menikmatinya dari kenderaan yang disesuaikan khas. Aktiviti ini membolehkan pelancong mendekati haiwan serta mengambil gambar sebagai contoh, safari fotografi sudah diperlakukan di dataran timur Colombia dan di Sierra de Maratines, Mexico.

(c) *Mendaki*

Pencinta aktiviti lasak khususnya akan mendapat peluang dalam aktiviti ekopelancongan ini untuk lebih mendekati dengan alam sekitar. Aktiviti mendaki ini boleh dilakukan di kawasan bukit bukau mahupun gunung ganang. Selain dapat menikmati keindahan alam semula jadi, aktiviti ini juga dapat meningkatkan kekuatan mental dan fizikal.

(d) *Pemerhatian Fenomena Astronomi*

Meteorit, buruj, bintang, dan gerhana bulan adalah beberapa fenomena astronomi yang menarik perhatian pengunjung. Oleh itu, jika hotel mempunyai tempat menyediakan aktiviti seperti ini, para pengunjung boleh memanfaatkannya. Dengan aktiviti ekopelancongan ini, penganjung boleh menikmati kosmos pada waktu malam di kawasan yang terbuka.

(e) *Program Pemeliharaan dan Pemuliharaan Flora dan Fauna*

Pemeliharaan dan pemuliharaan flora dan fauna dianggap sebagai aktiviti rekreasi yang dijalankan di persekitaran semula jadi. Objektifnya adalah untuk melindungi spesies terancam serta dapat mempromosikan spesiesnya. Aktiviti ini adalah sesuai bagi golongan pencinta alam semulajadi.

## 2.3 Perkembangan Pelancongan di Negeri Pahang

Jumlah ketibaan pelancong ke negeri Pahang adalah 10.5 juta (2015) meningkat dari 5.3 juta pada tahun 2002. Kedatangan pelancong asing adalah statik dan tidak meningkat semenjak tahun 2008 dengan jumlah 2.7 juta (2008) dan 2.4 juta (2015) dengan peratusan yang semakin menurun daripada 35% kepada 23% pada tahun 2015. Kedatangan pelancong tempatan pula mencatatkan lonjakan ketara daripada 2.0 juta kepada 8.1 juta orang pada tahun 2015. Jumlah bilik penginapan bertambah kepada 36,196 bilik dengan KPPT yang tinggi iaitu 6% seiring dengan kadar pertambahan kedatangan pelancong. Bilangan produk tarikan pelancongan telah bertambah daripada 54 tempat tarikan pada tahun 2002 kepada 145 tempat tarikan pada tahun 2015 di mana 114 produk pelancongan domestik dan 31 produk pelancongan bertaraf antarabangsa.

Berdasarkan 145 produk pelancongan yang disenaraikan sebagai destinasi pelancongan di Negeri Pahang, sejumlah 31 destinasi (21.3%) telah disenaraikan bertaraf antarabangsa dan 114 destinasi (78.6%) bertaraf domestik. Bagi daerah Bentong, antara produk pelancongan yang tersedia adalah Gunung Rajah dan Hutan Lipur Lendang. Bagi daerah Bera, produk pelancongan sulung adalah Tasek Bera. Manakala, Gunung Berembun, Gunung Perdah dan Mossy Forest antara destinasi yang ada di daerah Cameron Highlands. Seterusnya, daerah Jerantut pula terkenal dengan pelbagai gua seperti Gua Angah, Gua Balai, Gua Besar, Gua Daun Menari, Gua Hijau, Gua Kepayang, Gua Kota Gelanggi, Gua Luas, Gua Penyu, Gua Sanding, Gua Tangga 99, Gua Telinga, Gua Terang Bulan, Gua Tongkat, Gunung Benam, Taman Negara Kuala Tahan dan Tekam Plantation Resort.

Kemudian, antara produk pelancongan di Maran adalah Jeram Pelangi, Hutan Lipur Teladas, Hutan Lipur Lubuk Yu, Lubuk Kawah dan Bukit Gedak. Kuantan pula terkenal dengan Bukit Panorama, Gunung Serudam, Gua Charas, Sungai Lembing dan Tasik Paya Bungar. Daerah Lipis pula mempunyai destinasi pelancongan seperti Bukit Tacing, Empang Jaleh, Gua Bama, Kemahang, Taman Negara Sg Relau dan Taman Rimba Keriang. Daerah Pekan terdapat Taman Hutan Paya Gambut dan Tasik Chini. Daerah Raub di sebelah barat Pahang pula terkenal dengan destinasi seperti Pusat Peranganan Bukit Fraser, Jeram Besu, Lata Berembun, Lata Jarum, Lata Lembik dan Pulau Chekas. Daerah Rompin adanya Bukit Ibam, Gunung Kajang, Hutan Simpan Menchal dan Taman Negara Endau-Rompin. Akhir sekali, Temerloh pula terkenal dengan Gunung Senyum, Pusat Pemuliharaan Seladang Jenderak, Pusat Perlindungan Gajah Kuala Gandah dan Taman Rusa Lanchang.

Dengan adanya pelbagai destinasi pelancongan yang menarik di setiap daerah negeri Pahang, maka kedatangan para pelancongan telah meningkat saban tahun. Jadual 1 di bawah menunjukkan bilangan kedatangan pelancong ke negeri Pahang bagi tempoh 2016 hingga 2021.

**Jadual 1: Statistik Kedatangan Pelancong ke Negeri Pahang bagi tempoh 2016-2021  
(Tourism Pahang Malaysia, 2021)**

DESTINASI	2016	2017	2018	2019	2020	2021	JUMLAH
Kuantan	1,838,553	2,430,995	1,891,266	1,983,509	1,618,417	596,282	11,960,543
Cherating	254,169	298,566	355,374	278,945	241,980	56,728	1,712,003
Sungai Lembing	34,401	66,185	172,408	203,044	102,734	20,633	625,313
Pekan	34,530	34,785	52,404	51,537	33,460	22,304	265,376
Tasik Chini	16,575	7,619	14,558	10,185	2,416	36	65,100
Rompin	140,203	148,877	112,852	111,432	86,489	29,762	783,603
Pulau Tioman	276,878	263,291	256,064	276,232	160,424	39,034	1,542,087
Maran	3,208	2,711	8,304	16,560	6,544	5,486	46,217
Bera	13,338	15,022	27,248	30,150	16,166	12,368	131,580
Tasik Bera	3,395	0	0	0	0	0	8,526
Temerloh	201,844	273,254	278,431	301,592	155,457	110,192	1,514,010
Jerantut	99,257	122,070	139,729	141,951	71,813	20,168	694,404
Taman Negara	85,288	89,753	83,350	77,679	40,582	12,261	457,786
Lipis	81,638	80,204	53,472	64,657	60,043	28,020	452,679
Raub	66,959	65,257	71,454	76,910	90,070	42,503	469,072
Bukit Fraser	123,483	127,612	103,649	101,899	59,162	21,981	653,571
Bentong	161,284	161,936	143,641	155,543	83,246	63,794	883,645
Bukit Tinggi	85,069	94,157	89,698	82,417	63,711	5,384	500,553
Janda Baik	66,666	83,387	129,661	127,686	94,740	40,886	606,242
Genting Highlands	8,230,798	9,130,023	7,951,907	8,468,609	3,579,220	809,478	44,569,723
Cameron Highlands	1,007,992	1,332,257	1,496,372	1,431,776	790,024	273,380	7,236,700

## 2.4 Manfaat Ekopelancongan Terhadap Sektor Formal dan Informal

### (a) Membuka Peluang-Peluang Pekerjaan

Antara sumbangan sektor pelancongan ialah menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan. Dalam memastikan pergerakan pelancongan berjalan lancar, industri pelancongan akan memerlukan tenaga kerja dalam bidang yang berkaitan Industri pelancongan telah menghasilkan 1.16 juta peluang pekerjaan di Malaysia pada tahun 2009 (Lean, Chong, dan Hooy, 2014) dan 1.58 juta (13.8% daripada jumlah pekerjaan) pada tahun 2011 (Liu, Sriboonchitta, Nguyen, dan Kreinovich, 2014). Industri pelancongan memerlukan sejumlah besar pekerja, terutama industri perkhidmatan seperti hotel dan pengangkutan, dan tempat pelancongan memberikan peluang pengembangan bagi banyak syarikat. Semua ini memerlukan pekerja yang dapat memenuhi keperluan pelancong yang berkunjung.

Fakta telah membuktikan bahawa industri pelancongan tidak hanya berminat untuk menjana ekonomi negara, tetapi pada masa yang sama dapat meningkatkan ekonomi sosial masyarakat, terutama bagi masyarakat yang dekat dengan kawasan pelancongan. Penduduk setempat boleh menjadi pemandu pelancong, pekebun di chalet atau membuka kedai makan di sepanjang jalan dan mewujudkan perniagaan industri kecil dan sederhana (IKS). Rentetan kedatangan pelancong-pelancong yang

semakin bertambah hari demi hari, permintaan kepada perkhidmatan penginapan hotel dan perdagangan kraftangan semakin bertambah juga. Keadaan ini membuatkan lebih banyak syarikat yang mengambil peluang keemasan untuk membina chalet dan pusat penginapan bajet seperti inap desa untuk menampung pelancong-pelancong yang datang. Contohnya, penduduk di Kundasang, Sabah mendapat manfaat daripada pelancongan dengan membuka keluarga homestay dan kedai bunga dan sayur di jalan raya di kawasan itu.

#### *(b) Meningkatkan Sosio-Ekonomi Penduduk Tempatan*

Ismail, Masron, dan Ahmad (2014) menyatakan bahawa sektor pelancongan merupakan alat yang penting dalam pertumbuhan ekonomi negara yang mewujudkan peluang pekerjaan, peluang perniagaan, dan juga memperkasakan ekonomi masyarakat tempatan. Ramai isi rumah yang menukar pekerjaan dengan menceburi sektor ekonomi yang lebih baik khususnya pelancongan sebagai pekerja di resort, pemandu pelancong, dan sebagainya. Masyarakat yang juga menetap di kampung atau kawasan pedalaman juga dapat menggunakan teknik mereka dalam memproduksikan kraf tangan khas Melayu yang diperbuat daripada rotan dan sumber alam semula jadi yang lain. Secara tidak langsung, ramai masyarakat yang mempunyai kesempatan untuk menceburi industri pelancongan kerana peluang untuk mendapat keuntungan ialah luas.

Selain itu, aktiviti inap desa merupakan contoh terbaik dalam hal ini. Inap desa di Sabah misalnya merupakan antara yang terbaik dan unik dengan penawaran aktiviti-aktiviti yang menarik dikawasan sekelilingnya. Inap desa Kampung Luanti di Sabah misalnya memiliki sebuah projek tagang yang bukan sahaja untuk tujuan perikanan tetapi juga memberikan pengalaman unik kepada pengunjung kerana para pelancong dapat menikmati spa ikan di kampung tersebut yang dijalankan oleh penduduk kampung. Dengan kehadiran pelancong yang ramai bukan sahaja dalam negara bahkan pelancong dari luar negara dapat meningkatkan lagi ekonomi setempat dan juga ekonomi negara khususnya melalui pendapatan tukaran wang asing yang mengalir masuk ke dalam negara.

#### *(c) Menggalakkan Kepelbagaian Aktiviti Ekonomi*

Sektor pelancongan turut menggalakkan pertumbuhan atau perkembangan kepelbagaian ekonomi yang berkaitan seperti pengusahaan kedai runcit, kedai cenderamata dan kraf tangan, perniagaan makanan, pengangkutan telekomunikasi, penginapan dan lain-lain yang berkait secara langsung dan tidak langsung dengan sektor pelancongan. Kawasan-kawasan mundur dapat dibangunkan apabila pembangunan sumber lam dilakukan untuk aktiviti pelancongan di kawasan tersebut. Sektor pelancongan berupaya menukar struktur ekonomi setempat yang bersifat tradisional kepada ekonomi moden di samping menggalakkan pertumbuhan pusat-pusat ekonomi yang baru khususnya di kawasan pedalaman dan luar bandar.

### **3. Metodologi Kajian**

#### **3.1 Peringkat Kajian**

Terdapat tiga peringkat kajian penyelidikan iaitu peringkat awal, peringkat pertengahan dan peringkat akhir. Peringkat awal melibatkan pemilihan topik dan tajuk kajian, mengenalpastik masalah, persoalan kajian, objektif kajian dan skop kajian. Manakala, peringkat pertengahan pula melibatkan kajian literatur dan pengumpulan maklumat kajian. Akhir sekali, peringkat akhir merupakan peringkat yang mengandungi penganalisaan data yang telah dikumpulkan dan segala cadangan penambahbaikan serta kesimpulan kesluruhan kajian ini. Carta aliran ini merupakan elemen penting yang membantu untuk memberi gambaran proses yang lebih sistematik dan lancar sepanjang kajian ini dijalankan.

#### **3.2 Kaedah Kajian**

Kaedah kajian ini menggunakan teknik kualitatif iaitu dari aktiviti temubual dan juga perolehan data dari sumber sekunder. Kaedah temubual dipilih oleh pengkaji bagi mendapatkan gambaran sebenar masalah yang terdapat dalam kajian ini. Data primer ini didapatkan daripada hasil temubual bersama

responden yang terdiri daripada dua jenis iaitu peniaga yang menjalankan aktiviti ekonomi sektor formal dan peniaga yang menjalankan aktiviti ekonomi sektor informal. Manakala, data sekunder merupakan data yang telah dikumpulkan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu yang mna telah dikelaskan kepada kategori-kategorinya. Tambahan lagi, fungsi data-data sekunder ini dikumpulkan adalah bagi menguatkan hujah dan pandangan daripada data primer yang diperoleh. Dalam kajian ini, tesis-tesis lepas dan laman sesawang merupakan sumber yang dirujuk sepanjang menyiapkannya.

### 3.3 Instrumen Kajian

Dalam kajian ini, isu yang dibincangkan adalah melibatkan pengenalpastian jenis aktiviti ekonomi sektor formal dan informal yang dijalankan di Pusat Rekreasi Pulau Chekas, Raub Pahang. Lantaran itu, kaedah temu bual dipilih bagi tujuan mendapatkan maklumat yang lebih jelas dan terperinci daripada peniaga yang terlibat. Kaedah temu bual yang dipilih oleh pengkaji adalah temu bual semi-struktur. Melalui format temu bual semi-struktur ini, penyelidik menyatakan soalan formal yang dibina tetapi penemubual iaitu pengkaji sendiri mempunyai kebebasan untuk menyatakan lebih mendalam mengenai jawapan responden yang telah ditanya secara formal.

### 3.4 Penganalisaan Data

Peringkat penganalisaan data merupakan peringkat terpenting dalam sesuatu penyelidikan. Aktiviti menganalisa akan dilakukan sejurus semua data dan maklumat yang berkenaan telah diperolehi untuk memastikan objektif kajian dapat dicapai. Bagi kajian ini kaedah temu bual digunakan sepenuhnya, oleh yang demikian untuk menganalisa data yang diterima daripada temu bual, pengkaji akan membuat transkip daripada temubual yang dijalankan bersama para responden.

### 3.5 Rumusan dan Cadangan

Peringkat akhir dalam kajian ini ialah peringkat rumusan dan cadangan. Dalam peringkat ini akan membincangkan mengenai rumusan bagi keseluruhan kajian berdasarkan hasil kajian yang akan diperolehi. Rumusan yang dibuat akan dikaitkan semula dengan objektif-objektif yang telah ditetapkan bagi memastikan kesemua objektif tersebut dapat dicapai. Oleh itu, di peringkat ini penyelidik akan menyimpulkan keseluruhan kajiannya selain turut mengemukakan cadangan bagi kajian lanjutan sebagai penambahbaikan kajian di masa akan datang.

## 4. Analisis Kajian

### 4.1 Maklumat Responden

Responden yang terlibat dalam kajian ini adalah terdiri daripada pengusaha sektor formal dan informal di sekitar pusat rekreasi Pulau Chekas, Ulu Dong, Ruab. Seramai lapan orang responden telah dipilih oleh pengkaji di mana terbahagi kepada dua sektor iaitu empat pengusaha sektor formal dan empat pengusaha sektor informal.

**Jadual 2: Senarai responden yang terdiri daripada pengusaha sektor formal di  
Pusat Rekreasi Pulau Chekas**

No. Kod	Nama Responden	Nama Perniagaan	Umur	Jawatan
R1	Munirah bt Mustapa	Chemerkaw Village Camp Resort	34	Pengusaha chalet
R2	Tengku Kamsiah Bt Tengku Hashim	River View Chalet	40	Pengusaha chalet
R3	Abdul Rahim bin Zakaria	Kompac Chalet	38	Pengusaha chalet
R4	Hj Mokhtar bin Omar	Chekas View Chalet	49	Pengusaha chalet

R5	Sa'diah bt Abu Bakar	Gerai Makngah	52	Peniaga
R6	Zulkifli bin Zurhan	Gerai Pokju	50	Peniaga
R7	Fauziah bt Salleh	Gerai Ujie Pc	40	Peniaga
R8	Akmal Rizal bin Salehudin	-	45	Peniaga

#### 4.2 Analisis data Temubual bagi Objektif Pertama

##### (a) Jenis perniagaan dan produk perniagaan

**Jadual 3: Jenis perniagaan dan produk perniagaan yang dijalankan oleh pengusaha sektor formal dan informal di pusat perniagaan Pulau Chekas**

No. Kod	Jenis Perniagaan	Produk Perniagaan
R1	Kemudahan penginapan	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Cabin room</li> <li>● Superior room</li> <li>● Deluxe room</li> <li>● Aktiviti lasak seperti : <ul style="list-style-type: none"> <li>- Rafflesia hunter</li> <li>- Jungle tracking</li> <li>- River crossing</li> <li>- White water rafting</li> <li>- Camping</li> <li>- Village explorace</li> <li>- Flying fox</li> </ul> </li> </ul>
R2	Kemudahan penginapan	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Room A (1-3 orang)</li> <li>● Room B (family room)</li> <li>● Room C (Vip room)</li> <li>● Kemudahan lain : <ul style="list-style-type: none"> <li>- Tapak perkhemahan</li> </ul> </li> </ul>
R3	Kemudahan penginapan	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Chalet A (VIP) – 4 unit</li> <li>● Chalet B (Standard) – 8 unit</li> <li>● Perkhidmatan catering</li> </ul>
R4	Kemudahan penginapan	<ul style="list-style-type: none"> <li>● 7 single unit</li> <li>● 2 unit berkembar</li> </ul>
R5	Makanan dan minuman	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Nasi campur</li> <li>● Pelbagai pilihan lauk pauk dansiayur</li> <li>● Cendol</li> </ul>
R6	Makanan	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Masakan panas seperti <ul style="list-style-type: none"> <li>- Mi goreng</li> <li>- Mi sup</li> </ul> </li> <li>● Mi hailam</li> </ul>
R7	Makanan & minuman	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Minuman panas &amp; sejuk</li> <li>● ABC / ABJ / Ais milo kepala</li> <li>● Cendol</li> <li>● Air kelapa</li> <li>● Jambu batu</li> <li>● Mi segera</li> </ul>
R8	Peralatan permainan air	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Pelampung kanak-kanak</li> <li>● Pelampung dewasa</li> <li>● Jaket keselamatan kanak-kanak</li> <li>● Jaket keselamatan dewasa</li> </ul>

*(b) Usia perniagaan dan masa operasi perniagaan*

Menurut kesemua responden iaitu R1, R2, R3, R4, R5, R6, R7 dan R8, mereka telah mengusahakan perniagaan ini secara sepenuh masa sejak beberapa tahun yang lalu. Chemerkaw Village Camp Resort pada mulanya diasaskan oleh Hj Mustapa bin Ramli iaitu merupakan bapa kepada pengurus resort ini sejak 20 tahun. Saban tahun, pelbagai pembangunan dilakukan di tanah milik mereka hasil daripada idea dan kreativiti daripada anaknya.

Menurut R2 pula, chalet ini baru sahaja beroperasi sejak empat tahun yang lalu. Idea dan kreativiti pemiliknya iaitu Puan Kamsiah telah memberi satu keunikan terhadap chalet ini iaitu keseluruhan daripada unit chalet beliau adalah diperbuat daripada kayu. Manakala, Kompac Chalet milik Encik Abdul Rahim bin Zakaria pula baru sahaja beroperasi sejak tahun 2016. Idea asal beliau adalah ingin membina chalet yang berkonseptan ‘compact’ tetapi selesa untuk diinap. Idea beliau telah berjaya membawa chalet ini sebagai salah satu chalet pilihan pengunjung sehingga kini.

Menurut R4 pula, chalet ini mula beroperasi pada tahun 2009 dengan nama Dusun Tok Chalet sebelum ditukarkan kepada Chekas View Chalet pada tahun 2017. Dengan kesungguhan yang ada pada Hj Mokhtar, chalet milik beliau masih beroperasi dengan baik selama 11 tahun. Bagi operasi perniagaan pula, keempat- empat chalet ini buka pada setiap hari. Namun begitu, cuaca hujan yang berpanjangan khususnya pada penghujung tahun sedikit sebanyak telah menjelaskan operasi perniagaan mereka kerana kawasan mereka sering dilanda banjir. Menurut kesemua responden sektor informal pula, rata-rata daripada mereka mula menjalankan perniagaan di sekitar pusat rekreasi Pulau Chekas ini sejak lima tahun yang lalu. Manakala, operasi perniagaan mereka pula adalah mengikut waktu operasi pusat rekreasi Pulau Chekas itu sendiri iaitu bermula lapan pagi sehingga lima petang pada setiap hari.

*(c) Daya tarikan perniagaan*


R1 menyediakan pelbagai bentuk aktiviti kepada semua golongan masyarakat iaitu dengan adanya aktiviti ringan seperti memancing sehinggalah aktiviti lasak seperti flying fox, jungle tracking dan river crossing. Selain itu, pengusaha ini juga menyatakan bahawa resort mereka juga sesuai dijadikan sebagai program kem bina jati diri kepada murid sekolah, pelajar universiti mahupun bagi golongan bekerja. Manakala, R2 pula berpendapat bahawa antara daya tarikan pada River View Chalet adalah melalui pemandangan yang terdapat di sekitar chalet miliknya. Pintu chalet yang berhadapan dengan Pulau Chekas itu sendiri telah memberi satu suasana yang indah yang diselangi dengan bunyi deruan air sungai dan unggas malam yang menenangkan minda.

Menurut R3 pula, ‘chalet saya betul-betul tepi sungai, buka-buka je sliding door dah nampak sungai dan terus boleh terjun’. Daya tarikan di Kompac Chalet adalah hampir sama di River View Chalet dimana lokasi chalet terletak berhampiran dengan sungai. Selain itu, konsep unit chalet yang ‘compact’ dan minimalis juga merupakan salah satu keunikan berbanding unit chalet yang lain. Seterusnya, R4 pula menyatakan bahawa unit chalet mereka ditawarkan pada harga yang rendah iaitu bermula serendah RM50 untuk 2 orang dan RM70 untuk empat orang. Harga yang berpatutan merupakan tarikan utama pengunjung ke chalet miliknya.

Manakala, tarikan utama yang terdapat pada perniagaan R5, R6, dan R7 adalah juadah makanan dan minuman itu sendiri. Setiap gerai mempunyai pilihan juadah yang berbeza. R5 menawarkan juadah nasi campur yang dihidangkan dengan pelbagai pilihan lauk-pauk dan sayur-sayuran yang lazat. Manakala R6 pula mengutamakan masakan panas yang beraneka jenis pada harga yang berpatutan dan akhir sekali untuk pilihan pelbagai jenis minuman sejuk bolehlah terus ke gerai R6. R7 pula merupakan satu-satunya premis yang menjual peralatan permainan air seperti pelampung kanak-kanak, pelampung dewasa, jaket keselamatan kanak-kanak, dan jaket keselamatan dewasa. Premis ini dilihat lebih menjadi tarikan golongan kanak-kanak kerana adanya pelbagai corak animasi pada pelampung tersebut.

*(d) Bilangan staf bagi perniagaan sektor formal dan informal*

Menurut kesemua responden sektor formal dan informal di pusat rekreasi Pulau Chekas, mereka akan mengutamakan peluang pekerjaan kepada penduduk setempat iaitu penduduk yang tinggal di Mukim Dong khususnya. Selain daripada ingin membantu ekonomi penduduk setempat, hal ini juga dapat memudahkan staf mereka untuk datang ke tempat kerja pada tepat masanya.



**Rajah 1: Bilangan staf bagi setiap perniagaan sektor formal dan informal**

#### 4.3 Analisis Data Temubual Objektif Kedua

##### (a) Manfaat yang diperoleh oleh pengusaha sektor formal dan informal

Bahagian ini merupakan dialog yang diringkaskan dan diolah oleh pengkaji hasil daripada temubual bersama responden.

**Jadual 4: Manfaat yang diperoleh oleh sektor formal dan informal di pusat rekreasi Pulau Chekas**

No. Kod	Manfaat yang Diperolehi
R1	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Penambahan pengunjung ke chalet</li> </ul>
R2	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Meningkatkan pendapatan chalet</li> </ul>
R3	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Memberi idea baru kepada pengusaha bagi menarik pengunjung ke chalet</li> </ul>
R4	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Merancakkan pembangunan infrastruktur</li> <li>➤ Menyediakan peluang pekerjaan kepada warga penduduk sekitar</li> <li>➤ Meningkatkan sosio-ekonomi staf</li> <li>➤ Menambahbaik struktur jaringan jalan raya</li> <li>➤ Memudahkan pengiklanan chalet</li> <li>➤ Mewujudkan persaingan yang sihat antara pengusaha chalet</li> <li>➤ Dapat mendidik orang ramai mengenai penjagaan alam semulajadi</li> <li>➤ Dapat mempromosikan budaya setempat</li> </ul>
R5	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Memberi peluang kepada penduduk setempat untuk mula bermula secara kecil-kecilan</li> </ul>
R6	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Memperkenalkan produk buatan sendiri kepada pengunjung</li> </ul>
R7	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Memperkenalkan masakan tradisi Pahang</li> </ul>
R8	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Meningkatkan ilmu perniagaan</li> <li>➤ Meningkatkan pendapatan keluarga</li> <li>➤ Dapat beramah mesra bersama pengunjung</li> </ul>

Jadual 4 merupakan ringkasan temubual yang dijalankan bersama responden sektor formal dan informal di pusat rekreasi Pulau Chekas, Raub Pahang. Pengkaji telah mengumpul dan membahagikan ringkasan temubual ini kepada dua bahagian iaitu manfaat kepada sektor formal dan manfaat kepada sektor informal. Pengkaji telah menggabungkan kesemua manfaat ini kerana adanya jawapan yang sama diberikan oleh setiap responden. Antara manfaat utama yang diberikan oleh setiap responden adalah menyumbang kepada peningkatan pendapatan mereka. Daya tarikan yang terdapat di pusat rekreasi Pulau Chekas seperti keindahan alam semulajadi berjaya menarik perhatian orang luar untuk mengunjunginya. Secara tidak langsung, para pengunjung akan menyewa chalet-chalet yang terletak berhampiran dengan pusat rekreasi ini. Apabila permintaan terhadap chalet telah meningkat dari semasa ke semasa, pengusaha chalet juga terpaksa menyediakan peluang pekerjaan bagi menguruskan chalet berkenaan bermula dari pekerja am, penyambut tetamu, tukang masak dan lain-lain. Para staf secara tidak langsung sedikit sebanyak dapat menanggung sedikit sebanyak perbenangan isi rumah hasil daripada tawaran kerja yang disediakan.

Seterusnya, dengan adanya pertambahan pengunjung saban tahun, hal ini telah mewujudkan satu persaingan sihat antara kesemua pengusaha chalet. Setiap pengusaha chalet bersemangat untuk meningkatkan infrastruktur di chalet masing-masing demi menyediakan servis yang terbaik untuk memikat hati pengunjung yang datang. Hal ini secara tidak langsung membolehkan pelbagai aktiviti riadah telah berhasil sehingga kini. Antara kreativiti yang berjaya diterjemahkan oleh pengusaha chalet adalah dengan menyediakan beberapa pakej kepada golongan yang menginginkan aktiviti lasak seperti jungle tracking, river crossing, flying fox dan lain-lain. Bagi yang meminati aktiviti berkhemah pula, R1, R2, R3 dan R4 turut menyediakan tapak-tapak yang sesuai untuk didirikan khemah di kawasan chalet milik mereka. Persaingan yang sihat ini dilihat dapat meningkatkan standard chalet di pusat rekreasi Pulau Chekas.

Manakala, bagi responden sektor informal pula, para peniaga adalah terdiri daripada penduduk kampung setempat. Dengan adanya pusat rekreasi Pulau Chekas ini, mereka sangat merasai manfaatnya. Selain daripada keperluan tempat penginapan, makanan dan minuman juga merupakan salah satu cabang perniagaan yang boleh diambil oleh para responden. Oleh itu, R5, R6 dan R7 berpendapat bahawa dengan adanya pusat rekreasi Pulau Chekas ini telah membolehkan mereka memulakan perniagaan secara kecil-kecilan. Mereka bijak mengambil peluang ini dengan membuka perniagaan berdasarkan makanan dan minuman seperti nasi campur, minuman panas dan sejuk, makanan segara dan makanan ringan. Dengan adanya sambutan yang menggalakkan, usaha ini dapat meningkatkan pendapatan isi rumah responden kerana rata-rata responden ini merupakan individu yang sudah berkeluarga. Selain daripada makanan tersebut, mereka juga berpeluang untuk memperkenal dan mempromosi makanan tradisi Pahang buatan penduduk setempat seperti dodol gula kabong, sambal hitam dan lain-lain.

Kemudian, dengan adanya peluang perniagaan ini R5, R6, R7 dan R8 berpendapat mereka dapat meningkatkan ilmu perniagaan dari semasa ke semasa hasil daripada pengalaman perniagaan yang mereka perolehi. Ilmu perniagaan perlulah dikuasai kepada setiap peniaga kerana sesbuah perniagaan bukan sahaja berkisar kepada untung dan rugi semata-mata namun berpandukan kepada matlamat yang ingin dicapai dalam jangka masa pendek dan jangka masa panjang.

#### (b) Keindahan ekopelancongan berjaya menarik tumpuan pengunjung

Kesemua lapan orang responden bersetuju bahawa keindahan ekopelancongan yang terdapat di pusat rekreasi Pulau Chekas ini sedikit sebanyak berjaya menarik tumpuan pengunjung yang menginginkan suasana yang tenang dan indah. *"Pusat rekreasi ini sangat sesuai untuk dikunjungi seisi keluarga kerana kawasan ini adalah mesra keluarga, contohnya adanya lokasi-lokasi khusus yang sesuai dimandi oleh golongan dewasa dan kanak-kanak".*

Potongan ayat di atas merupakan dialog yang dilontar oleh responden ketika sesi temubual dijalankan bersama pengkaji. Pusat rekripsi ini adalah sebuah pulau yang dipisahkan oleh Sungai Dong dengan tanah besar. Ianya berkonseptan alam semulajadi dengan simpang aliran sungai membelah beberapa susunan pulau antara sungai. Pulau Chekas adalah lokasi menarik untuk bermandi-manda air sungai dan berkhelah. Kawasan ini dilengkapi dengan segala kemudahan asas dan tambahan. Kemudahan seperti tandas, surau, kawasan berkhelah, pondok rehat, gelonsor bermandi manda (pangsur Air) dan lain-lain banyak disediakan.

Kemudahan besar seperti Chalet, dewan terbuka, dewan kecil tertutup dan pentas turut disediakan di sini iaitu di seberang sungai. Memancing juga menjadi salah satu aktiviti menarik di sini selain daripada berkhelah. Kawasan Rekripsi Pulau Chekas sudah beroperasi lebih daripada 25 tahun atau sejak tahun 1995. Ianya dikawalselia oleh Koperasi Homestay Kampung Peruas, Raub. Kebanyakan pengunjung yang datang ke sini adalah keluarga dan berkumpulan.


#### *(c) Sambutan pengunjung*

Pengunjung merupakan faktor penting yang menyumbang kepada penggerak kelancaran operasi sesebuah pusat perniagaan. Sambutan daripada pengunjung berperanan terhadap kemajuan sesebuah pusat perniagaan. Menurut kesemua pengusaha chalet R1, R2, R3 dan R4, bilangan pengunjung adalah tidak menentu pada setiap minggu. Sambutan chalet ketika musim persekolahan adalah amat menggalakkan sehingga pihak mereka terpaksa menolak tempahan baru akibat daripada slot yang penuh. Namun yang demikian, musim hujan yang berpanjangan sekitar bulan Disember hingga Januari, pihak chalet sentiasa berwaspada dengan ancaman banjir. Kawasan Ulu Dong merupakan kawasan yang sering dilanda musibah banjir apabila adanya taburan hujan yang tinggi secara berterusan. Mereka menyuarakan sedikit kegusaran apabila tibanya musim hujan yang berpanjangan kerana ketika itu mereka menyedari chalet mereka tidak akan didiami pengunjung untuk beberapa minggu.

Menurut responden yang mengusahakan sektor informal pula, mereka turut mengakui sambutan pengunjung adalah secara bermusim. Sambutan yang agak suram biasanya berlaku pada hari bekerja iaitu Isnin sehingga Khamis, namun bermula Jumaat sehingga Ahad pengunjung sudah mula berpusupusuk masuk ke pusat rekreasi ini. Mereka akan menyediakan juadah secara extra apabila tibanya hujung minggu. Dengan sambutan yang menggalakkan, ada kalanya juadah jualan mereka sudah habis sebelum jam tiga petang. Namun begitu, mana-mana perniagaan ada pasang surutnya. Mereka menyuarakan kesedihan di mana mereka pulang ke rumah dengan juadah yang masih banyak berbaki pada beberapa ketika.

#### *(d) Anggaran pendapatan mingguan responden*

Anggaran pendapatan mingguan separuh daripada responden yang ditemui rata-rata berpendapatan di antara RM1,000 hingga RM2,000. Manakala sebahagian responden berpendapatan di antara RM200 ke RM500 seminggu.



**Rajah 2: Anggaran pendapatan mingguan responden sektor formal dan sektor informal**

## 5. Kesimpulan

Berdasarkan daripada kajian yang sudah dilaksanakan secara mendalam dan terperinci, kedua-dua objektif yang telah ditetapkan oleh pengkaji iaitu untuk mengenalpasti jenis perniagaan sektor formal dan informal dan mengkaji manfaat yang diperoleh oleh sektor formal dan informal dengan adanya ekopelancongan di Pusat Rekreasi Pulau Chekas. Dapatan data dan maklumat hasil daripada temu bual yang dilakukan, penyelidik dapat mengkaji beberapa maklumat mengenai gambaran keseluruhan kajian ini. Banyak manfaat yang diperoleh oleh kesemua responden khususnya kepada ekonomi mereka. Pada masa yang sama, peluang ini masih terbuka kepada penduduk setempat untuk memulakan bisnes secara kecil-kecilan khususnya dengan menyedia dan memperbanyak aktiviti-aktiviti riadah yang santai mahupun lasak yang boleh menghasilkan pendapatan sampingan.

## Penghargaan

Pengkaji ingin mengucapkan terima kasih kepada Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dengan sokongan yang diberikan.

## Rujukan

- Dina Syamilah Zaid & Abdul Mutualib Mohamed Azim. (2020a). *Ekopelancongan Memberi Kesan Positif Kepada Kesedaran Dan Tingkah Laku Pemuliharaan* (No. 1). Jurnal Hopitaliti dan Jaringan Volume 1 19–26.
- Dina Syamilah Zaid & Abdul Mutualib Mohamed Azim. (2020b). *Ekopelancongan Memberi Kesan Positif Kepada Kesedaran Dan Tingkah Laku Pemuliharaan*. Jurnal Hospitaliti dan Jaringan Vol 1 (19–26).
- Er Ah Choy, Asmahani Atan, Harsuzilawati Muhammed, Zaini Sakawi, Adam JH. (2012). *Analisis kelebihan kompetitif ekopelancongan di Mukim Ulu Dong, Raub, Pahang, Malaysia*. Malaysia Journal of Society and Space 8 issue 8 (158–169).
- Er Ah Choy, Nurul Bariah Mat Lazim. (2013). *Tahap kesahaman ekopelancongan dalam kalangan komuniti lokal di Lata Jarum, Raub, Pahang*. Malaysia Journal of Society and Space 9 issue 2 (27–34).
- Er Ah Choy1, Rosniza Aznie Che Rose, Novel Lyndon, Mohd Azlan Abdullah, Adam JH. (2012). *Ekopelancongan dan analisis sosioekonomi komuniti Ulu Dong*. Malaysia Journal of Society and Space 8 issue 9 (46–52).
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa. (2020). *Rancangan Struktur Negeri Pahang 2050*. <http://myagric.upm.edu.my/id/eprint/16103>

- Jabil Mapjabil, Mohamad Pirdaus Yusoh, Rosmiza Zainol. (2012). *Implikasi sosioekonomi pembangunan pelancongan penyelaman skuba terhadap komuniti pulau di Malaysia: Satu tinjauan awal*. Malaysia Journal of Society and Space 8 issue 5 (26–38).
- Kerajaan Negeri Pahang. (2021). *Statistik Kedatangan Pelancong Ke Negeri Pahang*. [https://www.data.gov.my/data/ms\\_MY/dataset/statistik-kedatangan-pelancong-ke-negeri-pahang](https://www.data.gov.my/data/ms_MY/dataset/statistik-kedatangan-pelancong-ke-negeri-pahang)
- Ku, U. (2017, October 9). *Perbezaan Antara Kajian Kuantitatif dan Kualitatif*. Made In UITM. <https://madeinuitm.com/perbezaan-antara-kajian-kuantitatif-dan-kualitatif/>
- Lee Boon Hiong. (2007). *Pembangunan Ekopelancongan Di Cameron Highlands : Satu Kajian Kes*. Universiti Sains Malaysia.
- Nadiah Abdul Halim, Er Ah Choy, Jumaat H Adam, Mohd Afiq Aizat Juhari, Siti Norhafizah Ahmad Tarmidzi. (2012). *Potensi pelancongan di Matu-Daro, Sarawak: Persepsi komuniti lokal*. Malaysia Journal of Society and Space 8 issue 9 (13–21).
- Norlida Hanim Mohd Salleh, Md Shafiq Shukor, Siti Hajar Mohd Idris. (2007). *Impak Pembangunan Pelancongan ke atas Persekutaran Manusia dan Fizikal Komuniti Pulau Tioman*. <https://ejournal.ukm.my/akademika/article/view/14664>
- Nur Idiente Binti Abd Halim & Er Ah Choy. (2016). *Hubungkait Peranan Pihak Kerajaan Dan Pihak Industri : Pembangunan Ekopelancongan Di Pulau Langkawi, Kedah*. Journal of Sciences and Humanities Vol 16 (1–13).
- Nurain Sahazali, Er Ah Choy. (2013). *Ekopelancongan di Taman Paya Bakau, Seri Manjung, Perak: Persepsi penduduk terhadap impak pembangunan*. Malaysia Journal of Society and Space 9 issue 3 (69– 79).
- Plan Malaysia @ Pahang. (2021). *Objektif Bahagian Rancangan Pembangunan Dan Projek Khas*. Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa. <https://jpbd.pahang.gov.my>
- Rosniza Aznie CR, Mohd Azlan Abdullah, Rozalini R, Rosmiza MZ, Abdul Rahim MN, Mohd Fuad MJ, Novel L. (2012). *Potensi tarikan ekopelancongan rekreasi di Taman Rekreasi Air Panas (TRAP) Sungai Klah, Perak*. Malaysia Journal of Society and Space 8 issue 7 (125–134).
- Wan Suzita Wan Ibrahim, Rosilawati Zainol, Siti Nor Awang, Kamal Solhaimi Fadzil, Juli Edo. (2015). *Pelancongan dan pembangunan setempat di Malaysia: Satu analisis SWOT Royal Belum sebagai produk ekopelancongan*. Malaysia Journal of Society and Space 11 issue 13 (115–130).